

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

November/Disember 1995

PLG 525 - Dinamik Organisasi Pendidikan

Masa: [2 jam]

Jawab mana-mana TIGA (3) soalan sahaja. Tiap-tiap soalan membawa markah yang sama.

1. Di antara komponen-komponen Persekitaran Luaran Organisasi Pendidikan ialah Keadaan Ekonomi, Inovasi Teknologi dan Keadaan Politik, Sosial dan Budaya.

Berdasarkan kepada pengalaman dan tinjauan bacaan anda, sejauh manakah perubahan-perubahan dalam komponen-komponen tersebut mempunyai kesan kepada organisasi pendidikan?

2. "Penilaian tidak formal berlaku setiap hari sama ada di luar atau di dalam persekitaran sekolah. Adalah menjadi tanggungjawab Pengetua bagi melaksanakan proses penilaian secara formal." (Edward F. Deroche; 1981).

Bagaimanakah berlakunya proses-proses penilaian formal dan tidak formal seperti penilaian guru terhadap pelajar-pelajar dan penilaian Pengetua terhadap guru-guru di sekolah? Pada pendapat anda adakah sesuai sekiranya berlaku penilaian pelajar terhadap guru-guru secara formal? Beri alasan anda.

3. Bagi meningkatkan prestasi sesuatu organisasi persekolahan, guru-guru perlu diberi kesempatan menganalisis masalah, memperkembangkan program-program yang ada dan memperkenalkan program-program yang baru. Oleh yang demikian pengutipan dan penganalisis data tidak akan bermakna, sekiranya sesuatu tindakan susulan tidak dilakukan kepada keputusan penganalisisan tersebut.

Pada pendapat anda bagaimanakah kita dapat menggunakan keputusan-keputusan analisis tersebut pada masa kini?

..2/-

4. "Dalam konteks reformasi pendidikan di negara kita, ia merujuk kepada usaha-usaha Kementerian Pendidikan untuk mengadakan perubahan-perubahan yang perlu dan mustahak dalam seluruh sistem pendidikan dengan tujuan untuk memperbaiki, memperkukuhkan dan mempertingkatkan mutu pendidikan. Perubahan-perubahan yang menyeluruh adalah meliputi struktur persekolahan, kurikulum dan budaya sekolah." (Ahmad Muhammad Said, 1991).

Bincangkan sejauh manakah reformasi berlaku kepada perkara-perkara yang bergaris di atas? Beri contoh-contoh masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah?

5. "Iannaccone menyarankan bahawa usaha-usaha perlu dilakukan bagi memperkembangkan interaksi di antara struktur-struktur formal dan tidak formal melalui perkembangan komunikasi terbuka, penyebaran maklumat dan tindakan bersama dalam membuat keputusan, supaya berlaku percantuman semaksima mungkin di antara matlamat-matlamat institusi yang formal dengan norma-norma kumpulan tidak formal." (Kenneth A. Tye, 1975).

Sejauh manakah Kumpulan Tidak Formal ini memberi kepuasan sosial kepada guru-guru dan pekerja-pekerja? Pada tinjauan anda apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan supaya kumpulan tidak formal ini dapat menyumbang dengan berkesannya ke arah pencapaian matlamat sekolah ke peringkat maksima?